

IKLAN JAWATAN KOSONG

Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed) mempelawa warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan pengalaman kerja dalam bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

JAWATAN: EKSEKUTIF

Kumpulan	:	Pengurusan
Jabatan	:	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Taraf Jawatan	:	Kontrak

SYARAT LANTIKAN:

Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (1) Berumur tidak kurang dari 25 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (2) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pembangunan perniagaan, pemasaran atau yang berkaitan daripada institusi-institusi pendidikan tinggi atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (3) Kelulusan SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

KEPERLUAN:

Calon lantikan juga hendaklah mempunyai ciri-ciri berikut:

- (1) Berkebolehan bertutur dengan fasih dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu serta Bahasa Inggeris;
- (2) Berperwatakan menarik, mempunyai kemahiran komunikasi serta interpersonal yang baik;
- (3) Bersedia bekerja dalam pasukan serta berkebolehan melaksanakan tugas pelbagai (*multi-tasking*);
- (4) Berupaya untuk bekerja di bawah pengawasan minimum; dan
- (5) Bersedia untuk bekerja di luar kawasan.

KEPERLUAN TAMBAHAN:

Keutamaan adalah diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman —

- (1) bekerja di institusi pengajian tinggi (awam/swasta) tidak kurang dari dua (2) tahun; dan
- (2) menguruskan atau mendapatkan pembiayaan/tajaan/geran/biasiswa daripada pihak-pihak berkaitan sama ada di luar/di dalam negara bagi membantu pelajar mengikuti program UMCCed.

DESKRIPSI TUGAS:

- (1) Merancang dan melaksanakan program jaringan bersama organisasi luar bagi mendapatkan tajaan/sumbangan untuk pelajar.
- (2) Membantu menguruskan Pembiayaan/Tajaan/Biasiswa (PTPTN, Zakat, Yayasan Negeri dan lain-lain).
- (3) Menjadi pemudahcara kepada pelajar yang menghadapi masalah berkaitan pinjaman dan tajaan, menguruskan dokumen berkaitan dan menyelesaikan masalah.
- (4) Urus dan pantau hal berkaitan pemakluman daripada PTPTN (permohonan dan pengesahan status).
- (5) Mengurus data Alumni UMCCed melalui Sistem e-Alumni.
- (6) Mengurus dan menyelaras aktiviti berkaitan alumni bagi memastikan alumni dapat dilibatkan bersama dalam arus pembangunan universiti dari masa ke semasa.
- (7) Menyelia aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan Alumni.

JADUAL GAJI:

Gaji Minimum
RM1,960.00

Gaji Maksimum
RM5,459.00

Elaun
RM570.00

PROSEDUR PERMOHONAN:

- (1) Permohonan jawatan di atas perlu dibuat secara dalam talian (*online*) melalui <http://career.umcced.edu.my>
- (2) Tarikh tutup permohonan adalah pada **29 Ogos 2022**.

Kami mengucapkan terima kasih kepada semua pemohon yang telah menunjukkan minat dalam organisasi kami. Walau bagaimanapun, hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk sesi temu duga. Kepada pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan, sila anggap bahawa permohonan anda tidak berjaya